

[SKW103]

**Angka Gilirian:** \_\_\_\_\_

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

## **Peperiksaan Semester Kedua Sidang Akademik 1996/97**

April 1997

**SKW 103 - Pengantar Sains Politik**

Masa : [ 3 jam ]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi Enam muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**Bahagian A (Wajib)** - Jawab soalan di kertas soalan dan jika tidak mencukupi sila gunakan kertas yang diberikan.

1. Terangkan dengan jelas dan ringkas mengenai Sistem Politik Tradisional dan Sistem Politik Moden. Dan apakah perbezaannya.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[ 5 markah]

2. Berikan takrifan Kuasa dan Pengaruh dan apakah perbezaan di antara kedua konsep ini menurut Robert A. Dahl.

[ 5 markah]

3. Apakah penakrifan "nilai" dan apakah pula penakrifan sistem masyarakat.

[5 markah]

4. Namakan tiga asas penting dalam sistem politik Islam dan terangkan dengan jelas apakah yang dimaksudkan dengan Khalifah.

[5 markah]

5. Berikan perbezaan diantara Kerajaan Demokrasi, Autoritarianisme dan Totalitarianisme.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[5 markah]

6. Apakah 2 faktor yang boleh menyumbangkan penyertaan politik seseorang individu?

[5 markah]

7. Berikan definisi Negara dan Kerajaan dan apakah perbezaannya.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[5 markah]

51-

8. Berikan perbezaan sistem demokrasi berpalimen dengan sistem demokrasi berpresiden.

[5 markah]

9. Apakah pengertian kumpulan pendesak dan berkepentingan? Apakah perbezaannya? Berikan ciri-ciri utama kumpulan pendesak.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[5 markah]

10. Apakah yang dimaksudkan dengan agensi sosialisasi politik dan berikan contoh-contoh agensi ini?

[5 markah]

## Bahagian B

Esei. Pilih Satu (1) soalan sahaja (50 markah)

11. Bincangkan apakah yang dimaksudkan dengan "Masyarakat Sempurna". Adakah konsep ini bersamaan dengan konsep pengwujudan "Masyarakat Bertamadun atau Madani" di negara Malaysia? Apakah langkah yang harus diambil untuk membentuk satu masyarakat bertamadun dengan menggunakan kaedah-kaedah sistem politik moden yang dipelajari?

[50 markah]

12. Sebagaimana yang kita ketahui Parti Islam SeMalaysia (Pas) yang berideologikan Islam telah bergabung dengan Parti Semangat 46 yang berideologikan kebangsaan atau liberal demokrasi. Bincangkan apakah faktor-faktor pengabungan mereka dan apakah faktor yang mempengaruhi perpecahan mereka? Gunakan definisi-definisi politik seperti kuasa, pengaruh dan autoriti untuk membincangkan faktor-faktor di atas.

[50 markah]